



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***AMALAN FEDERALISME DALAM PENTADBIRAN HARTA
PUSAKA ISLAM DI MALAYSIA***

HANI KAMARIAH BINTI MAT ADBULLAH

IPPH 2022 1



**AMALAN FEDERALISME DALAM PENTADBIRAN HARTA
PUSAKA ISLAM DI MALAYSIA**

Oleh

HANI KAMARIAH BINTI MAT ADBULLAH

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan
Ijazah Master Sains**

Jun 2020

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan karya hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagaimemenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

AMALAN FEDERALISME DALAM PENTADBIRAN HARTA PUSAKA ISLAM DI MALAYSIA

Oleh

HANI KAMARIAH BINTI MAT ABDULLAH

Jun 2020

Pengerusi : Prof. Suhaimi bin Ab Rahman, PhD
Institut : Penyelidikan Produk Halal

Pentadbiran dan pembahagian harta pusaka sememangnya memerlukan satu proses dan prosedur yang teliti bagi mengelak sebarang penyelewengan berlaku ke atas hak perwarisan waris atau benefisiari. Pelbagai institusi pentadbiran dan pembahagian harta pusaka wujud bersama peruntukan undang-undang yang mengiktiraf bidang kuasa di setiap peringkat proses pentadbiran dan pembahagian terutamanya tuntutan harta pusaka melibatkan orang Islam kesan dari ciri bentuk pemerintahan dan pentadbiran federalisme. Permasalahan utama kajian berpunca daripada jumlah harta pusaka tidak dituntut atau harta beku saban tahun meningkat berpunca dari kesadaran dan komitmen waris. Membimbangkan lagi kepelbagaian institusi menjadi penyumbang kepada faktor harta pusaka tidak dituntut kerana kekeliruan di kalangan orang awam. Objektif kajian adalah menjelaskan sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam merujuk amalan federalisme di Malaysia, mengenalpasti bentuk federalisme yang sesuai diamalkan dalam sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia seterusnya mengemukakan cadangan penambahbaikan sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia. Metodologi kajian berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan analisis dokumen dan temubual. Hasil kajian mendapati sistem perundangan menurut ciri federalisme memberi ruang kepada pelaksanaan kerjasama pentadbiran yang perlu dipergiat dan ditambah baik dalam melancarkan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science

PRACTICE OF FEDERALISM IN THE ADMINISTRATION OF ISLAMIC INHERITANCE IN MALAYSIA

By

HANI KAMARIAH BINTI MAT ABDULLAH

June 2020

Chairman : Prof. Suhaimi bin Ab Rahman, PhD
Intitute : Halal Product Research Institute

Administration and division of real estate requires a thorough process and procedure to avoid any irregularities occurring. Various administrative agencies and estate divisions come together with various legal provisions that recognize jurisdiction at every stage of the administrative process and division, particularly involving Muslims' estate claims. The study aims to re-evaluate the practice of administering and dividing Islamic estate in Malaysia and adopting a federalism approach to address this problem. The main reason for this study is there has been an increasing trend in volumes of unclaimed inheritance over the years according to the lack of awareness and commitment among heirs. Furthermore, the diversity of institutions has contributed to the factor of confusion among the public to complete a claim submission process. The objective of this study is to explain the administration and distribution of the estate practiced in Malaysia with special reference to the practice of federalism, identifying the appropriate form of federalism practiced in the administration and distribution of Islamic estate in Malaysia, then proposing an effective method addressing the problem of unclaimed inheritance by Muslims in Malaysia. This study employed a qualitative method using document analysis and undertaken semi-structured interviews. The findings show that a collaborative between agencies of Islamic estate administration and distribution with their function and jurisdiction should be taken to gain benefit and harness a federalism system.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad SAW, keluarga serta para sahabat baginda. Syukur dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, penulis dapat menyiapkan kajian yang bertajuk “Pentadbiran Harta Pusaka Islam Di Malaysia Dengan Rujukan Khas Terhadap Amalan Federalisme”.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Ab Rahman dan dibantu oleh Prof. Madya Dr. Daud bin Awang, selaku penyelia yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat, bantuan, bimbingan dan galakan sepanjang proses kerja-kerja penulisan tesis ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak pentadbiran UPM, terutamanya Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Sekolah Pengajian Siswazah UPM dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM kerana telah memberi kerjasama dan banyak membantu saya dalam memudahkan urusan menyempurnakan tesis ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada pihak agensi yang berkerjasama berkongsi dan sudi menyalurkan maklumat sebagai intipati utama kajian yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Melaka. Seterusnya kepada Amanah Raya Berhad cawangan Bangi, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Penghargaan ini juga saya tujukan buat kedua ibu bapa saya yang tercinta, Mat Abdullah bin Sudin dan Nor“Aizah binti Mohd Nor yang tidak pernah jemu mendidik, membimbing, serta mendoakan kejayaan saya dari kecil sehingga hari ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama menyempurnakan Ijazah Sarjana. Terima kasih atas ilmu dan tunjuk ajar yang dikongsi bersama sepanjang menuntut ilmu di sini.

Akhir kata, penulis memohon keampunan dari Allah S.W.T dan kemaafan kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha menghasilkan kajian ini.

HANI KAMARIAH BINTI MAT ABDULLAH
Muharam 1441H / September 2019

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Suhaimi bin Ab Rahman, PhD

Profesor
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Daud bin Awang, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date: 10 Februari 2022

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah penyeliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluam	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persolana Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Struktur Kajian	10
1.9 Kesimpulan	11
2 TIJAUAN LITERATUR	13
2.1 Pentadbiran dan Pembahagian Harta Pusaka Islam di Malaysia	13
2.2 Konsep Federalisme	17
2.3 Federalisme Menurut Perlembagaan Persekutuan	19
2.4 Kerjasama Federalisme	22
2.5 Sejarah Federalisme di Malaysia	27
2.6 Konsep Kerjasama Federalisme dalam Pengurusan Harta Pusaka Islam di Malaysia	33
2.7 Kesimpulan	34
3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	35
3.1 Pengenalan	35
3.2 Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan	36
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	37
3.4.1 Analisis Dokumen	37
3.4.2 Temubual	38
3.5 Pemilihan Sampel Kajian	38
3.6 Kaedah Analisis Data	41
3.7 Kesimpulan	41
4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	42
4.1 Pengenalan	42
4.2 Institusi Pentadbiran dan Pembahagian Harta Pusaka Islam	42

4.2.1	Mahkamah Tinggi	42
4.2.2	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian	44
4.2.3	Amanah Raya Berhad	50
4.2.4	Mahkamah Syariah	51
4.3	Punca Kuasa	57
4.3.1	Akta Probet dan Pentadbiran 1959	57
4.3.2	Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955	58
4.3.3	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri	59
4.3.4	Akta Perbadanan Amanah Raya 1995	61
4.4	Konsep Kerjasama	61
4.4.1	Kebergantungan	61
4.4.2	Kedekatan	66
4.4.3	Negosiasi	67
4.5	Kesimpulan	68
5	RUMUSAN	70
5.1	Rumusan Keseluruhan Kajian	70
5.2	Cadangan dan Saranan	71
5.2.1	Cadangan Kajian Lanjut	74
5.3	Kekangan Kajian	74
	SENARAI RUJUKAN	75
	LAMPIRAN	83
	BIODATA PELAJAR	87
	PENERBITAN	88

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Senarai waris dan bahagian dalam Al-Quran	12
3.1	Senarai informan	37
4.1	Senarai daerah jagaan unit Pembahagian Pusaka Negeri	44
4.2	Statistik pendaftaran dan penyelesaian kes faraid dari tahun 2013 sehingga 2018 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu	52



SENARAI SINGKATAN

Akta 532	Akta Perbadanan Amanah Raya 1995
°Akta97	Akta Probet dan Pentadbiran 1959
Akta 98	Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955
ARB	Amanah Raya Berhad Pembahagian Pusaka
EPAI	Enakmen Pentadbiran Islam 2013
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
SAW	Sallallahualahi wasallam
SWT	Subhanahuwataala

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Tuntutan harta pusaka dibuat setelah berlakunya kematian dari kalangan ahli keluarga. Pembahagian harta pusaka Islam atau *faraid* dinyatakan di dalam Al-Quran secara terperinci mengenai waris yang layak menerima harta pusaka begitu juga bahagian yang layak mereka terima. Sistem *faraid* merupakan antara sistem pengurusan harta dalam Islam mengaplikasikan konsep *hifz mal* yang merupakan salah satu cabang dalam *maqasid syariah* (Razak,2015). Bagi menjamin keharmonian dalam masyarakat, Islam menekankan supaya perolehan harta dengan cara yang halal dan sihat seperti mana firman Allah s.w.t dalam surah An-Nisa" ayat 29 mencegah manusia mendapatkan harta dengan jalan yang batil seperti dengan cara menipu, berjudi dan membunuh antara sesama manusia melainkan dengan jalan yang benar seperti menjalankan perniagaan. Peringatan dari ayat ini memberi saranan kepada manusia agar berhati- hati akan sumber perolehan harta termasuk sumber harta yang juga diperolehi melalui perwarisan.

Sistem *faraid* merupakan pengurusan harta pusaka orang Islam yang berkuatkuaasa selepas kematian bukan sahaja memberi manfaat kepada si mati apabila pengurusan harta tersebut dilaksanakan dengan baik, malah memberi keadilan yang wajar (Z. M. Musa, 2017) dan jaminan selamat ke atas tanggungannya iaitu waris dengan kadar bahagian yang munasabah mengikut turutan keutamaan dalam pewarisan.

Sebelum harta pusaka dibahagikan, kedudukan harta tersebut perlu jelas kedudukannya sebagai harta pusaka yang boleh dibahagi dan dimanfaatkan oleh waris. Pentadbiran harta pusaka orang Islam merangkumi pengumpulan harta si mati bagi tujuan mengutamakan bayaran hutang semasa hidupnya dengan mendahulukan hutang zakat jika tertunggak mahupun lain-lain perkara seumpama yang berkewajipan ke atas individu Islam seperti melaksanakan upah ibadah haji ke atas si mati. Seterusnya, daripada harta tersebut perlu digunakan untuk perbelanjaan urusan pengebumiannya, menyelesaikan tuntutan harta sepencarian oleh pasangan hidupnya, menjelaskan tuntutan harta amanah yang dikuatkuasakan selepas kematiannya seperti hibah, wasiat mahupun wakaf sekiranya ada sebelum satu perintah pembahagian pusaka dibuat (Muda, 2016).

Senarai 2 Jadual Kesembilan Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah yang merupakan institusi pentadbiran kerajaan negeri sebagai institusi kehakiman yang kompeten dan berbidang kuasa menerima, mendengar dan memutuskan perkara-perkara

berkaitan hukum syarak termasuklah menentukan waris dan bahagian yang layak mereka terima melalui pengeluaran perintah faraid yang turut diperuntukkan dalam Akta dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam misalnya dalam peruntukan seksyen 46(2)(b)(viii), dan (ix) Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993, seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2020 dan seksyen 50 (3)(b)(ix) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Undang-undang yang berkait dengan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia adalah berdasarkan Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Institusi yang berperanan mengikut peruntukan undang-undang ini terdiri daripada institusi pentadbiran kerajaan persekutuan iaitu Mahkamah Tinggi Sivil, Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP) di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Kementerian Tanah dan Galian serta Amanah Raya Berhad (ARB).

1.2 Latar Belakang Kajian

Perlaksanaan undang-undang Islam mengikut hukum syarak bebas diamalkan di Malaysia. Ini kerana Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf agama Islam sebagai agama Persekutuan di bawah Perkara 3 dan meletakkan kuasa Raja dan Sultan sebagai ketua agama di negeri masing-masing. Manakala Yang di-Pertuan Agong (YDPA) selain menjadi ketua agama Islam di negerinya sendiri, baginda juga merupakan ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan seperti Wilayah Persekutuan, Labuan dan Putrajaya serta negeri-negeri yang diwakili oleh Yang di-Pertua Negeri seperti Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak seperti yang dinyatakan di bawah Perkara 3 (3) dan (5). Berikut ini, perundangan Syariah diletakkan di bawah senarai II, senarai kerajaan negeri, Jadual Kesembilan seperti mana yang diperuntukkan seperti berikut:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan **perwarisan**, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik, dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan perbadanan orang berkenaan dengan kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat, dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid, atau mana-mana tempat sembahyang awam orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam

perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan

Peruntukan ini merupakan kesan peninggalan sejarah yang mana asal usul perundangan Tanah Melayu mengamalkan sistem perundangan Islam sepenuhnya (Pa, Muhammad, & Mustar, 2016). Raja mempunyai kuasa mutlak ke atas setiap sempadan negerinya sebelum kehadiran penjajah Inggeris yang membentuk pentadbiran negara baru dengan rangka undang-undang yang disusun oleh Suruhanjaya Reid. Sebagai tanda ke arah persediaan pemerintahan sendiri dan merdeka, Perlembagaan Persekutuan digubal dan dijadikan rujukan undang-undang tertinggi yang membentuk acuan pemerintahan negara dan mana-mana undang-undang yang bercanggah menurut Perlembagaan adalah sama sekali terbatal seperti mana yang diperuntukkan dalam Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan.

Pengagihan kuasa antara kerajaan persekutuan dan negeri di Malaysia adalah mengikut sistem negara bentuk federal (Yusoff, 2002; Khalid & Jalil, 2018). Terdapat dua pemerintahan kerajaan iaitu diperingkat pusat dan satu lagi diperingkat negeri diamalkan sejak enam dekad Malaysia mencapai kemerdekaan berpandukan senarai bidang kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pemisahan kuasa dan pemerintahan peninggalan penjajahan British memberi kekaburan di kalangan orang awam (Noordin, Shuib, Zainol, Azam, & Adil, 2012b) dan kesulitan terhadap sistem pengurusan dan pembahagian harta pusaka Islam dalam mengaplikasi hukum *faraid* di Malaysia (Noordin, Shuib, Said & Adil, 2013).

Pentadbiran dan pengurusan harta pusaka Islam diletakkan di bawah institusi yang berbeza menurut undang-undang dan prosedur yang berbeza. Sistem *faraid* dalam pembahagian harta pusaka Islam ditentukan di bawah Mahkamah Syariah yang sememangnya mempunyai kuasa ke atas undang-undang diri dan keluarga Islam serta berkaitan hukum syarak. Tambahan pula di bawah Perkara 74(2) menjelaskan bahawa badan perundangan sesuatu negeri berkuasa membuat undang-undang mengenai perkara dalam Senarai 2, Senarai Negeri termasuk undang-undang berkaitan perwarisan, berwasiat atau tidak berwasiat.

Pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam adalah termaktub di bawah Perkara 74(1) yang memberi kuasa Kerajaan Persekutuan membuat undang-undang berkaitan pewarisan, berwasiat atau tidak berwasiat dan probet serta surat kuasa mentadbir oleh kerana penggunaan frasa "kecuali mengenai perkara yang termasuk dalam senarai Persekutuan" dalam Senarai Kedua-Senarai Negeri dapat difahami secara literal bahawa perwarisan sama ada berwasiat atau tidak berwasiat adalah di bawah kuasa perundangan Kerajaan Persekutuan (Rahman et.al,2018).

Demikian itu, Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 merupakan peruntukan undang-undang berasingan yang terpakai dalam pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia mengikut nilai dan kategori harta pusaka tersebut. Maka dengan itu, institusi yang memainkan peranan penting dalam pembahagian harta pusaka Islam di Malaysia sepertimana dalam peruntukan undang-undang yang dinyatakan ialah Mahkamah Tinggi Sivil, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil di bawah Kementerian Tanah dan Galian, dan Amanah Raya Berhad.

Tujuan Pindaan 1988 Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan adalah jelas menentukan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah perlu merujuk had kuasa masing-masing di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan bagi mengelak percanggahan. Pindaan ini memberi hak eksklusif Mahkamah Syariah dalam mengendalikan kes yang berhubung undang-undang diri orang Islam yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah disebabkan Malaysia mengguna pakai dua sistem undang-undang yang bersifat selari (Pa et. al., 2016; Noor, Ismail, Noor, & Mahamood, 2018). Banyak pihak mengharap pindaan tersebut mengakhiri konflik bidang kuasa mahkamah. Namun pindaan tersebut masih memberi batasan pelaksanaan undang-undang Islam (Pa et. al., 2016; Muda, 2016) malah memberi kekeliruan dan kekaburan berkaitan perwarisan sama ada berwasiat atau tidak berwasiat (S. A. Rahman, Khalid, & Jaafar, 2019). Ianya seolah mengiakan tafsiran literal Senarai Pertama dan Senarai Kedua menunjukkan perkara Persekutuan berkuasa membuat undang-undang berkaitan harta pusaka meskipun melibatkan orang Islam.

Dalam kes *Jumaaton & Raja Delila lwn Raja Hizaruddin* (1998) 6 MLJ 556, Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan bahawa kuasa berkaitan probet adalah kuasa Mahkamah Tinggi berdasarkan Senarai Pertama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, Sheikh Ghazali Abdul Rahman menegaskan walaupun pihak-pihak yang terlibat dalam kes ini merupakan orang Islam, namun pentadbiran dan pemberian kuasa mentadbir adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sivil menurut Akta Probet dan Pentadbiran 1959 sepertimana yang dinyatakan dalam kehakiman:

“Sungguhpun semua pihak dalam kes ini adalah orang Islam, namun demikian kuasa untuk mentadbir pusaka telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi (Sivil). Ini disebabkan oleh kerana perkara probet dan surat mentadbir pusaka diletakkan di bawah senarai kuasa perundangan Persekutuan dan tidak dikecualikan bagi orang Islam. Oleh kerana itu, undang-undang mengenai probet dan pentadbiran pusaka terdapat dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959 iaitu Akta 97.”

Daripada keputusan kes di atas telah memutuskan bahawa kuasa berkaitan probet adalah kuasa Mahkamah Tinggi berdasarkan Senarai 1 Jadual

Sembilan Perlembagaan Persekutuan walaupun pihak-pihak yang terlibat dalam kes pentadbiran harta pusaka merupakan orang Islam. Manakala persoalan mengenai kaedah pembahagian mengikut *faraid*, alang atau perwarisan, berwasiat dan tidak berwasiat orang Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana peruntukan butiran 4(e)(ii) Senarai Persekutuan. Hal ini telah disokong dengan keputusan yang diputuskan oleh Hakim Low Hop Bing dalam kes *In the Estate of Tunku Abdul Rahman Putra Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid* ([1998] 4 MLJ 623). Hakim dalam kes ini menegaskan bidang kuasa yang diperuntukkan dalam butiran 4(e)(i) Senarai Persekutuan iaitu mengenai aspek pentadbiran harta pusaka adalah merangkumi perkara probet dan surat kuasa mentadbir sahaja. Daripada keputusan dari kes-kes tersebut menjelaskan pentadbiran harta pusaka jelas diperuntukkan dalam kuasa Persekutuan yang mana di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan agensi pentadbiran harta pusaka di bawah pentadbiran kerajaan Persekutuan meskipun pihak yang terlibat merupakan orang Islam. Yang membezakan pelaksanaan dan hak eksklusif mahkamah Syariah yang hanya berkuatkuasa kepada orang Islam adalah berkaitan penentuan waris dan bahagian yang layak mereka terima iaitu dengan pengeluaran sijil *faraid*.

1.3 Permasalahan Kajian

Pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia secara umumnya diagihkan kepada tiga agensi utama di bawah pentadbiran persekutuan iaitu Mahkamah Tinggi, BPP dan ARB. Pengagihan ini dibuat berdasarkan peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.

Pada masa yang sama Mahkamah Syariah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri juga mempunyai peranan yang tidak dapat diperkecilkan apabila timbul isu-isu koleteral yang melibatkan hukum syarak dalam pembahagian harta pusaka yang mempunyai kaitan rapat dalam menentukan pembahagian pusaka. Antara isu koleteral yang berkait rapat dengan pembahagian harta pusaka ialah urusan harta amanah si mati seperti wasiat, hibah, wakaf, nazar, amanah khairat, dan zakat perlu diselesaikan terlebih dahulu (Naiimi, 2016), berkaitan syarat sah penerimaan harta pusaka iaitu berhubung dengan nasab dan pengesahan perkahwinan perlu dipastikan terlebih dahulu sekiranya timbul isu yang berbangkit dari kalangan ahli waris, tuntutan takat sumbangan dan perkongsian oleh pasangan hidup seperti harta sepencarian. Semua perkara tersebut perlu dijelaskan dan diselesaikan terlebih dahulu sebelum harta pusaka layak dibahagikan kepada waris sama ada melalui kaedah *faraid*, penolakan atau muafakat. Harta yang tinggal setelah pindah milik harta berikutan sahaja merupakan harta pusaka. Perkara-perkara ini tertakluk kepada hukum syarak dan secara perundangannya penentuan berhubung semua perkara tersebut terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Kewujudan institusi dan statut yang diterima pakai dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka adalah disebabkan pemecahan kuasa pentadbiran

kerajaan mengikut sistem federal. Penubuhan negara persekutuan di Malaysia bentuk federal adalah disebabkan kedudukannya yang strategik dan pentadbiran ini kekal dari tahun 1948 bermula dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Persekutuan Malaysia memenuhi ciri bentuk federalisme menurut Dicey (1885) yang mana pembentukan negara bentuk federal adalah hasil peninggalan sejarah, kesan dari kedudukan geografi dan mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa, budaya, agama di Malaysia menjadi faktor pemilihan sistem federalisme diterima baik dan sesuai terpakai. (Yusoff, 2002; Harihar, 2010; Musa, 2012). Meskipun Malaysia juga merupakan antara 24 buah negara di dunia yang mengamalkan sistem federalisme namun menurut Yusoff dan Agustino (2011) federalisme di Malaysia disifatkan sebagai quasi-federalisme iaitu tidak sepenuhnya federalisme atau separa federalisme kerana tidak ada perseimbangan kuasa pentadbiran antara kerajaan pusat dan negeri. Tambahan pula pembentukan sistem peninggalan penjajahan Inggeris tidak menjamin kelancaran pentadbiran dan pengurusan harta pusaka orang Islam mengikut landasan Syariah dengan sebaiknya (Nordin, Shuib, Zainol, Mohamed Adil, 2012).

Dalam pentadbiran dan pengurusan harta pusaka orang Islam, amalan untuk mendapatkan sijil faraid tidak terdapat dalam peruntukan yang khusus. Insititusi yang berperanan dalam pentadbiran harta pusaka iaitu ARB, BPP dan Mahkamah Tinggi Sivil hanya memerlukan sijil faraid apabila terdapat keperluan melibatkan masalah pembahagian yang rumit. Meskipun terdapat aplikasi pengiraan perisian komputer E- Faraid yang digunakan di BPP dalam kaedah pengiraan faraid, namun perisian ini dilihat bercanggah dengan sistem perisian komputer E-Syariah di Mahkamah Syariah dalam kes tertentu misalnya dalam kes pengecualian. Percanggahan ini berpunca dari asas pegangan mazhab dalam kaedah pengiraan yang diprogramkan. Implikasi dari kekeliruan keputusan yang dibuat boleh menimbulkan keraguan dan menjejaskan kepercayaan orang awam terhadap institusi yang lebih kompeten dan berautoriti lebih- lebih lagi apabila keputusan tersebut tidak menyebelahi mereka (Rahman et al., 2019).

Tambahan pula kepelbagaian institusi bersama statut yang berbeza dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam beserta prosedur yang berlainan turut menjadi faktor kekeliruan di kalangan orang awam (Noordin et al., 2013; Rashid & Yaakub, 2010; Razimi, 2016; Muda, 2016; Sapiyi & Salleh, 2016; Nasrul, Salim, Said, & Manap, 2017; Rahman et.al, 2018; Shafie, Yusoff, Zahari, & Yusoff, 2018; Rahman et.al., 2019). Kekeliruan di kalangan masyarakat awam mengenai prosedur dan struktur perundangan dan pentadbiran harta pusaka dilihat sebagai antara faktor peyumbang kepada kurangnya kesedaran waris dalam menuntut atau mengurus harta tinggal si mati untuk dibahagi sesama ahli waris dan kemudian memanfaatkannya. Hal ini memberi kesan kepada peningkatan statistik harta pusaka tidak dituntut saban tahun meningkat.

Nilaian harta pusaka tidak dituntut dan diuruskan pada tahun 2005, dianggarkan sebanyak 900,000 daripada 6.2 juta hak milik tanah yang

didaftarkan di seluruh Negara masih berdaftar atas nama pemilik yang sudah meninggal dunia (Abdul Rashid, 2015). Pada tahun 2006, terdapat 1 juta kes tuntutan harta pusaka di Malaysia yang nilainya mencecah RM 38 bilion dalam bentuk hartanah manakala RM 1.5 bilion berupa wang tunai masih tertunggak dan tidak diuruskan oleh waris-waris. Jumlah tersebut tidak termasuk wang tunai dan harta alih lain yang masih tersimpan di institusi kewangan seperti Amanah Raya Berhad (ARB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perbendaharaan Malaysia (Hassin, Shahar, & Zan, 2016; Rashid & Yaakub, 2010). Berikutnya pada tahun 2007 peningkatan jumlah harta pusaka tidak dituntut mencecah RM40 bilion (Rahman, Talib, Ghani, Salam, & Rahman, 2018; Talib et al., 2007; (Hassin et al., 2016). Pada tahun 2009 pula, jumlah harta alih iaitu wang dan simpanan sejumlah RM31 juta masih tersimpan di Amanah Raya Berhad (ARB) menjadikan nilai kes tuntutan harta pusaka beku telah mencecah lebih kurang RM 42 bilion (Tarmizi, 2009).

Pada tahun 2010 menunjukkan sejumlah 40 bilion harta yang dimiliki hampir 500,000 waris dari kalangan umat Islam masih belum dapat dicair dan diagihkan seterusnya meningkat sebanyak RM 42 bilion asset pada tahun 2011 (Rashid & Yaakub, 2010). Berikutnya sebanyak jumlah RM 52 bilion harta tidak dituntut dan diurus pada tahun 2012. Pada tahun 2013 jumlah meningkat kepada RM 60 bilion. Pada tahun 2014 harta pusaka milik orang Islam dianggar berjumlah RM 6.5 bilion masih tidak dituntut waris (Hamid, 2017). Pada 2017 sebanyak RM 200 juta dividen tidak dituntut pewaris peserta Rancangan Tanah Berkelompok dan Tanam Semula Komersial yang meninggal dunia berikutan masalah harta pusaka (Ramsa, 2017).

Menurut peruntukan perundangan Persekutuan seksyen 4(e) Senarai Persekutuan iaitu berkaitan surat kuasa mentadbir dan probet. Jika berlaku pertikaian antara dua kerajaan yang memerintah di peringkat pusat dan peringkat negeri, undang-undang menetapkan agar keutamaan diberikan kepada Perlembagaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perkara 4, Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 4(f) kecuali perwarisan orang Islam dan Senarai Negeri memperuntukkan kuasa kepada kerajaan Negeri. Kerajaan negeri boleh membuat undang-undangnya sendiri dalam bidang kuasanya yang mana tidak disebut dalam perkara Persekutuan kerana ia mempunyai dewan perundangannya sendiri dan berkuat kuasa dalam negeri tersebut Seperti mana menurut Joseph (2007) Malaysia dikatakan Negara *quasi-federal* (tidak ada keseimbangan kuasa kerajaan negeri dan kerajaan pusat) kerana perlembagaannya yang tidak seimbang dan memberi lebih kuasa kepada kerajaan pusat sehingga membolehkan kerajaan mencampuri bidang kuasa kerajaan negeri.

Walaupun Mahkamah Syariah diberi kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan ke atas apa-apa pertikaian yang melibatkan harta orang Islam, dalam keadaan tertentu secara umumnya adalah dihadkan. Sebagai contoh, semua statut yang terpakai dalam pengurusan dan pentadbiran harta pusaka tidak menjadikan Mahkamah Syariah sebagai tempat rujukan utama dalam isu pusaka Islam sehingga kaitan hukum syarak dan sistem pengurusan dan

pentadbiran pusaka Islam di bawah peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 masih kurang jelas. Demikian itu, penyelesaian harta pusaka Islam menjadi sukar kerana perlu berurusan dengan lebih daripada satu agensi meskipun pendedahan maklumat kini boleh didapati secara atas talian (Halim 2009; Nasrul et.al,2017).

Selain daripada masalah kekurangan kuasa Mahkamah Syariah akibat daripada latar belakang sistem perundangan negara, kelancaran pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia juga terkesan oleh pelbagai peruntukan undang-undang lain seperti undang-undang adat di Negeri Sembilan, undang-undang melibatkan pentadbiran tanah mahupun wang simpanan atau harta alih yang lain. Malah terdapat peruntukan undang-undang dan kadang-kadang polisi dalaman yang memberi kuasa kepada pelbagai agensi tertentu untuk membahagi harta pusaka tanpa perlu merujuk kepada empat agensi yang disebutkan sebelum ini. Kesannya, terdapat perintah yang tidak dapat dilaksanakan berikutan kaedah pentadbiran yang berbeza. Kekaburan dan kekeliruan akibat daripada kepelbagaian undang-undang dan juga agensi yang diberi kuasa untuk mengurus dan mentadbir harta pusaka Islam membawa kepada kritikan dan keluhan serta rungutan masyarakat sehingga ada yang menyalahkan pihak Mahkamah Syariah, Pejabat Tanah dan agensi lain apabila urusan pusaka mereka tidak selesai, berlaku ketidakadilan dan proses penyelesaian yang lambat serta menyulitkan (Rahman et.al,2015). Demikian ini menimbulkan pelbagai persoalan tentang keseragaman, kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan yang terdapat hubungkait dengan permasalahan yang wujud dalam sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka Islam di Malaysia. Persoalan-persoalan kajian termasuklah:

1. Bagaimana pengamalan sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam baik di Malaysia.
2. Apakah bentuk federalisme boleh diguna pakai dalam sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia.
3. Apakah cadangan yang sesuai menambah baik sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam dalam konteks amalan negara sistem federalisme di Malaysia.

1.5 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang menjadi landasan kajian. Kajian ini diharapkan dapat mencapai objektif seperti yang berikut:

1. Menjelaskan sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam merujuk amalan federalisme di Malaysia.
2. Mengenalpasti bentuk federalisme yang sesuai diamalkan dalam sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia.
3. Mengemukakan cadangan penambahbaikan sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi penjelasan yang sebenar mengenai sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka Islam mengikut kerangka amalan federalisme di Malaysia. Kajian ini dianggap penting bagi pihak yang terlibat dalam proses penyelesaian dan pentadbiran harta pusaka orang Islam dalam memperjelaskan struktur amalan pelaksanaan pembahagian harta pusaka mengikut bentuk sistem federalisme Malaysia.

Kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada masyarakat Islam agar dapat memperluas pengetahuan dan memberi kesedaran mengenai tuntutan harta pusaka dan perancangan serta pengurusan harta selepas kematian. Kesedaran ini penting bagi memelihara kebajikan dan hak individu mengenai manfaat harta selain dapat memelihara dan menjana kemajuan ekonomi umat Islam dan negara. Masalah sosial yang berpunca dari persengketaan dan ketidakpuasan hati dikalangan ahli keluarga diharapkan dapat ditangani.

Seterusnya diharapkan kajian ini dapat memberi penjelasan dan menyuntik kesedaran masyarakat umum berkaitan prosedur tuntutan harta pusaka orang Islam perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Masyarakat perlu mempunyai rasa tanggungjawab dalam memberi galakan kepada ahli waris supaya sedar akan kepentingannya kepada harta pusaka dan menyejajarkan tuntutan tersebut bagi mengelakkan proses yang lebih rumit dan menyukarkan.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada golongan ilmuan dalam menerapkan ilmu dan memasak pengetahuan mengenai proses dan prosedur tuntutan harta pusaka khusus kepada tuntutan harta pusaka orang Islam mengikut perundangan dan sistem pentadbiran dalam bentuk amalan federalisme di Malaysia di semua peringkat institusi pengajian agar masyarakat awam sedia maklum dan cakna mengenai pengurusan kewangan mereka dan ahli keluarga iaitu waris selepas belaku kematian. Menerusi kajian ini juga

diharapkan dapat menarik minat pengkaji lain untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan tidak memutuskan usaha bagi mencari solusi dan cadangan penambahbaikan sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia.

Institusi pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam yang terlibat bergantung sepenuhnya kepada bidang kuasa yang diberikan oleh undang-undang. Maka dengan itu, satu langkah ke hadapan perlu diambil diperingkat kerajaan dan pembuat dasar undang-undang. Diharapkan kajian ini dapat menarik perhatian pihak-pihak terlibat bahawa pentingnya penggubalan undang-undang dan tindakan segera bagi melancarkan dan memudahkan tuntutan harta pusaka orang Islam di Malaysia.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini menfokuskan mengenai pentadbiran pembahagian harta pusaka orang Islam menurut amalan federalisme di Malaysia. Justeru itu, kajian ini tertumpu kepada pentadbiran harta pusaka orang Islam sahaja yang melibatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam menerima pakai kaedah pembahagian harta pusaka Islam iaitu *faraid* dan wasiat orang Islam yang berbeza pelaksanaannya dengan tuntutan pusaka orang bukan Islam di Malaysia.

Lokasi kajian mengenai pentadbiran harta pusaka orang Islam dilaksanakan di semenanjung Malaysia memandangkan Sabah dan Sarawak mempunyai peruntukan undang-undang pentadbiran harta pusaka dan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang berbeza di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing.

1.8 Struktur Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab atau bahagian. Bab-bab ini disusun mengikut keutamaan dan langkah yang dilakukan dalam kajian ini. Berikut merupakan bab atau bahagian dalam kajian ini:

Bab Satu: Pendahuluan

Bab satu merupakan bab pertama yang menerangkan atau membincangkan aspek-aspek utama kajian seperti pengenalan, latar belakang, permasalahan, persoalan, objektif, kepentingan dan skop kajian serta gambaran mengenai kajian yang dilakukan.

Bab Dua: Tinjauan Literatur

Pada bab dua kajian ini akan mengupas dan membincangkan sorotan kajian lepas mengenai konsep federalisme di Malaysia dan pelaksanaan pentadbiran harta pusaka orang Islam menurut amalan perundangan dalam kerangka federalisme di Malaysia. Pada peringkat ini, penekanan akan diberikan kepada bagaimana pentadbiran harta pusaka orang Islam di Malaysia dan hubungkaitnya dengan kerangka federalisme. Maklumat diperolehi dari pembacaan dan rujukan ke atas data-data sekunder yang terdiri daripada artikel jurnal, laporan prosiding, buku ilmiah, akhbar, tesis mahupun pencarian internet yang dibuat secara kajian perpustakaan.

Bab Tiga: Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan bahagian penting kajian dalam perolehan sumber dapatan kajian. Pada bab ketiga kajian ini akan menghuraikan langkah dan kaedah menjalankan kajian bagi memperolehi maklumat berkualiti sehingga data dianalisis mencapai tahap tepu ke arah menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian. Pengumpulan data melibatkan data primer dan sekunder. Data primer diperolehi melalui instrumen temu bual bersama pentadbir-pentadbir yang terlibat dalam pentadbiran harta pusaka orang Islam dari perlabagai institusi pentadbiran yang terlibat iaitu dari Mahkamah Tinggi Sivil, Bahagian Pembahagian Pusaka, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Syariah.

Bab Empat: Hasil Kajian dan Perbincangan

Pada bab keempat, kajian analisis dilakukan daripada perolehan data primer iaitu hasil temu bual bersama informan-informan yang terlibat. Selain dari itu, penilitan ke atas sumber primer seperti laporan rasmi parlimen dan dewan rakyat akan dikupas bagi memberi gambaran yang jelas akan perubahan dan perkembangan sejarah pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia selian mengambil kira peruntukan-peruntukan dari akta dan enakmen yang terpakai dalam undang-undang pentadbiran harta pusaka Islam.

Bab Lima: Rumusan dan Cadangan

Bab lima merupakan bab terakhir kajian yang akan memberi rumusan dapatan dan cadangan berdasarkan penemuan dari bab sebelum ini. Pandangan serta cadangan dari pihak informan akan diambil kira dalam merangka cadangan dan rumusan kepada keseluruhan kajian.

1.9 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini bakal memfokuskan kepada amalan sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Malaysia. Kajian juga akan mengenal pasti bentuk asas negara federalisme dan elemen kepada jenis kerjasama federalisme. Selain itu, kajian diharap dapat menyumbang kepada

penambahbaikan kaedah pelaksanaan penambahbaikan sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia agar prinsip patuh syariah dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka dapat diutamakan.



RUJUKAN

- Abas, M. S. (1984). *Federalism di Malaysia-Perubahan dalam dua puluh tahun yang pertama*. Penerbit Fajar Bakti.
- Abas, M. S. (1984). *Sejarah Perlembagaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah, N. & Zahrin, Z. (2001). Pembahagian kuasa fiskal antara kerajaan persekutuan dengan negeri. *Journal of Department of History*, 13(13). 176-211. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol13no13.8>
- Ahmad, M. Y., Yusoff, A. F., & Noor, N. A. M. (2010). *konflik bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berhubung harta orang Islam di Malaysia : Analisa ringkas kes-kes yang berkaitan*. Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, M.Y., & Ibrahim, I. A. (2010). *Kekangan status atas bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta orang Islam di Malaysia*. Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alam, S. M. N. (1984). *Federalisme di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-sabuni, M. A. (1985). *Al-Mawarith fi Syariah Al-Islamiah fi dhu al-Kitab wa Sunnah*. Ilm al Kitab.
- Ariffin, M. (2007). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Dewan Bahasa Pustaka .
- Awang, M. R. (2008). *The Islamic inheritance law (faraid): The manifestation of comprehensive inheritance management in Islam*. National Convention of Faraid and Hibah.
- Awang, M.R. (1983). *Undang-Undang mengenai pentadbiran dan pengurusan harta orang Islam di Malaysia: Satu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bari, A. A. (2006). *Perlembagaan Malaysia: asas-asas dan masalah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhattacharyya, H. (2010). *Federalism in Asia: India, Pakistan and Malaysia*. Routledge.
- Black, J. A. (1976). *Methods and issues in social research*. Wiley.
- Boyatzis, R. E. (1998). *Transforming qualitative information: Thematic analysis and code development*. SAGE Publication.
- Brown, A. J., & Bellamy, J. (2007). *Federalism and regionalism in Australia*. ANU-E Press.

- Chawla, S. (2015). Centre vs states: How much control is too much?. Daily New & Analysis.
- Chebet, M. H., Orero, J. & Luvanda, A. (2014). A knowledgebase model for Islamic inheritance. *Information and Knowledge Management*, 4(9), 1-7. ISSN 2224- 5758
- Clovis, S. H. (2006). *Federalism, homeland security, and national preparedness: A case study in the development of public policy* (Doctoral Dissertation, University of Alabama).
- Cochran, S. M., & Lytle, S. (2009). *Inquiry as stance: Practitioner research in the next generation*. Teachers College Press.
- Conlan, T. (2006). From cooperative to opportunistic federalism: Reflections on the half-century anniversary of the commission on intergovernmental relations. *Public Administration Review*, 66(5), 663-676. <http://www.jstor.org/stable/3843895>
- Corbin, J., & Strauss, A. (2015). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory* (4th ed). SAGE Publication.
- Halim, A. H. & Arshad, A. (2014). Penentuan harta pusaka di Malaysia: Kajian dari perspektif undang-undang sivil dan syariah. *Kanun : Jurnal Undang-undang Malaysia*, 26(2), 153-172.
- Haridan, M, F. (2016). *Quality of shariah assurance in Malaysian Islamic banks post implementation of shariah governance framework* (Master Dissertation Universiti Putra Malaysia).
- Hashim, M. S. (1976). *An introduction to the constitution of Malaysia*. Government Printer.
- Hassin, W. S. W., Shahar, W. S. S., & Zan, U. M. S. M. (2016). *Faktor-faktor yang mempengaruhi harta pusaka beku di Malaysia*. Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah
- Hollander, R. (2009). Rethinking overlap and duplication: Federalism and environmental assessment in Australia. *Publius*, 40(1). 136-170. <http://www.jstor.org/stable/40608344>
- Ibrahim, A., & Joned, A. (2002). *Sistem undang-undang di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam, M. (1998). Probate and administration of a Muslim's estate in Malaysia- legislative competence and Syariah/Civil court jurisdiction. *Malaysian Journal of Law and Society*.
- Ishak, O. (1979). *Hubungan undang-undang Islam dengan undang-undang adat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jeffrey, B. (1996). Federalism and the way to peace Daniel J. Elazar Kingston: Institute of intergovernmental affairs, *Canadian Journal of Political Science*,29(2), 393-395. doi:10.1017/S0008423900007940
- Joseph, M. F. (2007). *Federal Constitutions: comparative study of Malaysia and the United State*.Universiti Malaya Press.
- Kamarudin, M.K. & Abdullah, A. (2016). Amalan pembahagian faraid di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(3), 11-19.
- Kincaid, J. (1998). the devolution tortoise and centralization hare. *New England Economic Review*, 13-52.
- Kincaid, J. (2011). *Federalism :Alternative models,Constitutional foundations and institutional features of Federal governance*. SAGE Publications Ltd.
- Kothari, C. R. (2004). *Research methodology : Methods and techniques* (2nd ed). New Delhi : New Age International Publishers.
- Kothari, C. R. (2004). *Research methodology: Research and tecniques*.New Age International Publisher.
- Lee, C. (2013). *The Rockwills guide to succession and trusts in wealth Management*. Rockwills.
- Lewis, J. (2009). *Design issues in research practice*. SAGE Publication Ltd.
- Mannan, M. A. (1987). *Islamic economics: Theory and practice : A comparative study*. Routledge.
- Merriam, S. B & Tisdell, E. J. (2015). *Qualitative research*. John Wiley & Sons Inc.
- Merriam, S. B. & Tisdell, E. (2015). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed). John Wiley & Sons Inc.
- Merriam, S. B., & Grenier, R. (2019). *Qualitative research in practices : Examples for discussion and analysis* (2nd ed).Wiley
- Mohammad, Z. (2011). *Pengurusan harta pusaka dalam fiqh as-Syaafie*. Islamic Banking & Finance Institute Malaysia.
- Morris-Jones, W. (1968). New federations: Experiments in the commonwealth. By R. L. Watts. Oxford University Press: *Modern Asian Studies*,2(3), 273-274. doi:10.1017/S0026749X00001785
- Muda, M. Z. (2008). *Undang-undang dan pentadbiran pusaka wasiat dan wakaf orang Islam di Malaysia*. Percetakan Putrajaya Sdn.Bhd.

- Muda, M. Z., Said, N. L. M., Samsudin, M. A., Ahmad, C. M. & Ibrahim, I. A. (2010). *Isu-isu harta orang Islam di Malaysia*. Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muda, R. (2016). Harta pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran. *Malayan Journal of Syariah and Law*, 4(1), 1-10. <https://mjsl.usim.edu.my/index.php/jurnalmjst/article/view/13>
- Musa, N. H. (2012). Adakah federalisme menghalang kepada pelaksanaan Syariah di Malaysia. Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Malaysia. *Undang-undang Syariah di Malaysia: Persatuan Ulama Malaysia*, 49, 33-55.
- Musa, Z. M., (2017). Kebajikan waris dhawi al-arham sebagai penerima harta pusaka dan cabaran perlaksanaannya di Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 11, 1-12. <https://doi.org/10.51200/ljms.v11i.718>
- Mustapha, W. M. W. (1983). *Pentadbiran harta pusaka orang Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naiimi, N. (2016). *Pengurusan pusaka Islam, wasiat dan hibah di Malaysia: Isu dan aplikasi*. Sintok : Universiti Utara Malaysia Press.
- Nasohah, Z. (2004). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Percetakan Cergas(M) Sdn.Bhd.
- Nasrul, M. A. D., Salim, W. M. N., Said, M. H. M. & Manap, S. N. A. (2017). Administration of estates in Malaysia: Jurisdiction and misconception. *UUM Journal of Legal Studies*, 8, 183-196. journal.uum.edu.my/index.php/uumjls/article/view/uumjls.8.2017.4649
- Noordin, N. H., Ismail, M. I., Abd Rahman, M. A. H., Haron, S. N., & Abdullah, A. (2016). Re-evaluating the practice of hibah trust in Malaysia. *Humanomics*, 32(4). 418–436. <https://doi.org/10.1108/H-05-2016-0044>
- Noordin, N., Shuib, A., Zainol, M. S & Adil, M. A. M. (2012). Review on issues and challenges in Islamic inheritance distribution in Malaysia. *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 3(12), 27-38.
- Noordin, N., Shuib, A., Zainol, M. S., & Adil, M. A. M. (2013). Delay in Islamic inheritance claim- an ignorance issue. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 90, 504-512. <https://doi.org/10.1016/j.jsbspro.2013.07.120>
- Nosahah, Z. (2004). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Percetakan Cergas (M) Sdn.
- Osman, M. A. (1983). *Perkembangan perkembangan Malaysia*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Pa, H. C., Muhammad, N. H. N., Mustar, S. (2016). Bidang Kuasa eksklusif Mahkamah Syariah selepas pindaan perkara 121(1A) Perlembagaan

- Persekutuan: Satu penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4. 1-13. <http://mjsl.usim.edu.my/index.php/jurnalmjst/article/view/12>
- Patton, M. Q. (2001). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed). SAGE Publication.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research and evaluation methods*.(4th ed.). SAGE Publication.
- Pekelling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 16/1974
- Pekelling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 25/1976
- Puvenesvary, M. (2008). *Qualitative research: Data collection & data analysis techniques*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Rahman, A. S. (2015). *Kajian terhadap undang-undang pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam (faraid) di Malaysia*. Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri.
- Rahman, F. A. (2007). *Bagaimana mengurus harta pusaka*. PTS Professional. Batu Caves. Selangor.
- Rahmatan, K. & Samsuari, M. H. (TT). *Prosedur permohonan surat kuasa tadbir di Unit Pusaka Kecil JKPTG*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramsa, N. A. Y., Berita Harian. (2017). "RM 200 juta dividen gagal diagih".
- Rashid, R. A. R., Yaakub, N. I. (2012). Masalah kegagalan dan kelewatan pengagihan harta pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek*, 5(2). <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/32037>
- Razimi, M. S. A. (2016). Concept of Islamic inheritance law (faraid) in Malaysia: Issues and challenges. *Research Journal of Applied Sciences. Universiti Utara Malaysia*, 11(12), 1460-1464. <https://www.medwelljournals.com/abstract/?doi=rjasci.2016.1460.1464>
- Rispi, S. C. (2003). Cooperative federalism and constructive waiver of state sovereign immunity. *University of Chicago Law Review*, 70(4), 1639-1650. <https://chicagounbound.uchicago.edu/uclrev/vol70/iss4/12>
- Saldana, J. (2013). *The coding manual for qualitative researchs* (2nd ed). SaAGE Publication.
- Sapiyi, S. & Salleh, N. (2016). Kajian transformasi pentadbiran harta pusaka di semenanjung Malaysia. *Buletin Kajian MAMPU*, 11-35.
- Schapiro, R. A. (2007). From dualist federalism to interactive federalism. *Emory Law Journal*, 56(1), 1-18, <https://www.proquest.com/scholarly-journals/dualist-federalism-interactive/docview/215706632/se-2>

- Schapiro, R. A. (2007). From dualist federalism to interactive federalism. *Emory Law Journal*, 56(1), 1-18. <https://www.proquest.com/scholarly-journals/dualist-federalism-interactive/docview/215706632/se-2>
- Semakan 2007: Tugas Pentadbir Tanah dalam Penilaian Harga Tanah-Tanah Milik
- Shafie, F., Yusoff, W. Z. W., Muhammad, S., & El-Edrus, D. (2016). Factors of failure and delay in islamic inheritance distribution in Malaysia. In 8th International Real Estate Research Symposium (IRERS) Research Gate.
- Shameem, M. (1995). *Death and inheritance: the Islamic way: A handbook of Rules pertaining to the deceased*. Kitab Bhavan.
- Simanjuntak, B. (1985). *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*. Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Stake, R. E (1995). *The art of case study research*. SAGE Publication
- Talib, H., Ghani, N. A., Salam N. Z. A., Rahman, N. S. A., Rahman, N. S. A & Samad, F. A. (2017). *Isu-isu tuntutan harta pusaka: Satu sorotan literatur*. Proceeding of the 4th International Conference on Management & Muamalah 2017
- Tarmizi Abdul Rahim. "RM31 juta harta pusaka masih tidak dituntut". Utusan Malaysia, 2 Mei 2009.
- Twomey, A., & Withers, G. (2007). Australia's federal future: Delivering growth and prosperity, federalist Paper 1, Council for the Australian Federation
- Volden, C. (2004). Origin, operation, and significance: The Federalism of William H. Riker. *Publius*, 34(4), 89–107. <http://www.jstor.org/stable/20184927>
- Wanna, J., & Keating, M. (2001). *Institutions on the edge : Remarking federalism* (1st ed). Routledge.
- Wanna, J., Phillimore, J., Fenna, A., & Harwood, J. (2009). *Common cause strengthening Australia's cooperative federalism*. Final Report for the Council for the Australian Federation. CAF.
- Watts, R. (1970). *Administration in federal system*. Hutchinson Educational Ltd.
- Watts, R. (1970). *Administration in federal system*. Hutchinson Ltd.
- Wengraf. (2001). *Qualitative research interviewing*. SAGE Publication.
- Wheare, K. C. (1963) *Federal government* (4th ed). London: Oxford University Press.
- Wheare, K. C. (1967). *Federal government* (4th ed). Oxford University Press.

Wilayah Persekutuan, Rayuan Mal Bil.4 tahun 1997; Jurnal Hukum, Jld. XII, Bhg.II, 1998; Utusan Malaysia yang bertarikh 21 Julai 1998

Williman, N. (2011). *Research method*. Routledge.

Young, E. A. (2014). The puzzling persistence of dual federalism. *Federalism and Subsidiarity*, 34-82.
https://scholarship.law.duke.edu/faculty_scholarship/2689

Young, E. A. (2015). Modern-day nullification: Marijuana and the persistence of federalism in an age of overlapping regulatory jurisdiction. *Case Western Reserve Law Review*, 65, 769-794.

Yusoff, A. & Agustino, L. (2011). Federalisme di Malaysia : Potret hubungan pusat- daerah. Analisis. *Centre for Strategic and International Studies*, 40(2), 193-216.

Yusoff, M. A. (2006). *demokrasi kepemimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia, desentralisasi, autonomi daerah, dan federalism : Tinjauan di Indonesia dan Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zuleika, A., & Desintha, N. P. (2013). Islamic inheritance law (Faraid) and its economic implication. International centre for edducation in Islamic finance. *Tazkia Islamic Finance and Business Review*, 8(1), 97-117.
<https://doi.org/10.30993/tifbr.v8i1>

Statut

Perlembagaan Persekutuan

Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 Akta Probet dan Pentadbiran 1959

Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003

Laporan Rasmi Parlimen

Dewan Negara Parlimen Kedua Penggal Keempat Bil. 1,1967

Dewan Negara Parlimen Kelapan Penggal Keempat Bil. 15,1994

Dewan Negara Parlimen Ketiga Penggal Kedua Bil. 7 1972

Dewan Rakyat Parlimen Keempat Penggal Kelapan Bil.31,1994

Dewan Rakyat Parlimen Keenam Penggal Pertama Bil.57, 1983

Dewan Rakyat Parlimen Kelapan Penggal Keempat Bil.32,1994

Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Penggal Ketiga Bil.7, 1973

